

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD.  
NASIR [ JOHOR BAHRU ]**

**SOALAN NO. 79**

**Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [ Johor Bahru ] minta MENTERI  
PENDIDIKAN menyatakan :-**

- a) kadar pengangguran golongan lepasan graduan universiti mengikut kelulusan; dan
- b) langkah-langkah yang telah diambil bagi memastikan kursus-kursus yang ditawarkan di universiti kekal relevan selari dengan peralihan industri kepada Revolusi Industri 4.0.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi memastikan kursus-kursus yang ditawarkan di universiti kekal relevan selari dengan peralihan industri kepada Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) adalah dengan melaksanakan saringan awal yang ketat terhadap program-program yang hendak ditawarkan oleh universiti awam (UA). Pihak UA mestilah menjalankan kajian analisis yang terperinci terhadap program-program akademik yang hendak ditawarkan, dijumudkan, dibekukan atau dilupuskan supaya hanya program yang menjadi fokus dan keperluan guna tenaga negara sahaja yang ditawarkan. Mengikut rekod Kementerian, dianggarkan 30 peratus program yang tidak mempunyai kebolehpasaran dan tidak relevan telah dijumudkan.

## NO. SOALAN: 79

Program akademik yang akan ditawarkan juga mesti mengambil kira keperluan guna tenaga dan bidang kritikal yang telah dikaji dan dibentangkan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perangkaan Malaysia, *Institute of Labour Market Information Analysis* (ILMIA), *Talentcorp*, *Jobstreet* dan lain-lain agensi berkaitan yang turut hadir dalam mesyuarat saringan awal dan perakuan program. Ini adalah bagi memastikan program akademik yang hendak ditawarkan dapat memenuhi keperluan guna tenaga negara dan tidak berlaku lambakan graduan dalam bidang-bidang tertentu atau memenuhi pekerjaan yang kurang diperlukan.

Kementerian dan UA melaksanakan transformasi penawaran program akademik universiti awam bagi memastikan program akademik yang hendak ditawarkan merupakan program yang relevan, terkini dan mempunyai kadar kebolehpasaran graduan yang tinggi seperti 2u2i, *Work Based learning* dan sebagainya. Pihak Kementerian juga memberi penekanan kepada UA supaya menyemak semula program akademik sedia ada sama ada masih relevan dan bersesuaian dengan keperluan pasaran. Program akademik yang tidak mempunyai permintaan yang tinggi, tidak menepati kehendak pasaran dan industri, tidak berdaya saing, rendah kadar kebolehpasaran graduan serta tidak bersifat *nation building*, akan dijumudkan atau dilupuskan.

Manakala, program akademik yang dikekalkan dalam sistem penawaran adalah program yang menepati aspek keperluan tenaga negara, laluan kerjaya dan tahap kebolehpasaran graduan, tiada duplikasi program akademik sedia ada dalam kalangan institusi pendidikan tinggi, implikasi kewangan, perjawatan dan fizikal serta perkembangan polisi dan dasar terkini negara berkaitan bidang pendidikan tinggi. Tindakan ini adalah bagi memastikan kursus ditawarkan mestilah berdaya saing serta memenuhi keperluan industri semasa selari dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0).

Sekian, terima kasih.

RT12/79